

26 MAY 1998
LEAD Yong-Sibuk
YONG KUNJUNGI DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 26 Mei (Bernama) -- Ketua Menteri Sabah, Datuk Yong Teck Lee hari ini membuat kunjungan perpisahan ke atas Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di pejabat Perdana Menteri di sini.

Yong akan melepaskan jawatan Ketua Menteri esok mengikut sistem penggiliran jawatan yang digunakan oleh Barisan Nasional (BN) bagi membolehkan para pemimpin dari kalangan tiga masyarakat utama di Sabah memegang jawatan berkenaan.

Presiden Parti Demokratik Sabah (PDS) Tan Sri Bernard Dompok yang juga Menteri Pelancongan dan Alam Sekitar negeri akan mengambil alih jawatan Ketua Menteri bagi mewakili masyarakat Bumiputera bukan Islam.

Di Kota Kinabalu, Yong mempunyai program yang ketat esok, hari terakhir beliau berkhidmat sebagai Ketua Menteri Sabah ke-10.

Ia merupakan hari yang dipenuhi dengan mesyuarat, perbincangan, persidangan berita, menerima tetamu dari luar negara, menyerahkan tugas sebagai Pengerusi Barisan Nasional (BN) Sabah -- program yang akan bermula dari awal pagi sehingga malam.

Menurut kenyataan Pejabat Akhbar dan Penerbitan, Jabatan Ketua Menteri di sini, Yong akan memulakan harinya dengan mengadakan perbincangan bersama tiga pembantu rapat di kediamannya pada 7.15 pagi sebelum ke Istana Negeri untuk menghadap Yang Dipertua Negeri Tun Sakaran Dandai.

Di Istana, Yong akan menyerahkan surat peletakan jawatan sebagai Ketua Menteri, yang berkuatkuasa Khamis ini, pada hari Ketua Menteri yang dilantik, Dompok mengangkat sumpah sebagai Ketua Menteri Ke-11.

Selepas menghadap Yang Dipertua Negeri, Yong akan ke bangunan Dewan Perundangan Negeri untuk mempengerusikan mesyuarat mingguan kabinet bagi kali terakhir sebelum penggal beliau sebagai Ketua Menteri selama dua tahun tamat.

Beliau kemudian akan mengadakan satu sesi khas dengan Jawatankuasa Keselamatan Negeri sebagai pengerusinya di tempat yang sama diikuti dengan persidangan berita.

Pada tengah hari pula, Yong akan menerima kunjungan beberapa diplomat di pejabatnya di bangunan Yayasan Sabah termasuk Konsul Besar Jepun ke Sabah Yohishito Watanabe, Pesuruhjaya Tinggi Bangladesh ke Malaysia Wajid Ali Khan Panni dan Duta Filipina ke Malaysia Jose S.Brillantes.

Pada 3.45 petang, beliau akan mengadakan perjumpaan dengan ketua-ketua jabatan dan agensi di bawah Jabatan Ketua Menteri, diketuai Setiausaha Negeri Datuk Khalil Datu Jamalul dan mengucapkan selamat tinggal kepada para pegawai dan kakitangan di pejabatnya.

Pada 5 petang, Yong akan ke pejabat BN Sabah di Dataran Putatan, kira-kira 20 km dari pejabatnya di bangunan Yayasan Sabah untuk secara rasminya menyerahkan tugas selaku Pengerusi BN Sabah kepada Dompok.

Selepas makan malam bersama keluarga di kediamannya, Yong akan ke ibu pejabat Parti Progresif Sabah (SAPP) untuk mempengerusikan mesyuarat majlis tertinggi.

Yong dijangka menyaksikan upacara angkat sumpah Dompok pada 10 pagi Khamis.

-- BERNAMA
JS RHM RON FAZ